

## JABATAN KERJA RAYA

### PELANTIKAN KONTRAKTOR PAKAR SISTEM INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)

(Untuk dipenuhi oleh Kontraktor Elektrik)

#### 1.0 Syarat-Syarat Pelantikan

##### 1.1 Perkara Am

Sekiranya Kontraktor Elektrik tidak memenuhi syarat-syarat di perenggan 1.2 di bawah, Kontraktor Elektrik dikehendaki untuk melantik satu Kontraktor Pakar Sistem ICT (KICT) yang berkelayakan bagi kerja pemasangan sistem ICT dalam tendernya.

1.2 KICT yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kategori dan pengkhususan di bawah:

	E07 – Sistem Telekomunikasi Dalam
	E08 – Sistem Telekomunikasi Luaran
	E14 – Kabel Rangkaian Komputer

*Nota : Pegawai Menyedia Tender perlu tandakan pengkhususan yang berkaitan dengan skop kerja*

- b) Pendaftaran masih lagi sah;
- c) Berpengalaman dalam bidang kerja yang berkenaan;
- d) Bebas daripada tindakan tatatertib dan undang-undang;
- e) Mempunyai pegawai kompeten iaitu Certified Installer bagi kerja-kerja pendawaian kabel ICT dan Certified Network Engineer bagi kerja-kerja perkakasan rangkaian.
- 1.3 KICT yang dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya hendaklah menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem ICT selaras dengan spesifikasi dan hendaklah mematuhi arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 1.4 Kontraktor Elektrik adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan KICT mematuhi tatacara kerja dan mengekalkan prestasi yang baik sepanjang kerja berjalan.
- 1.5 Jika didapati KICT dikenakan tindakan yang menyebabkan KICT tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan tekun dan teratur serta hilang kelayakan melalui peruntukan undang-undang ATAU mutu kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan, Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa (WPP) Elektrik berhak menamatkan kerja KICT pada bila-bila masa dan seterusnya Kontraktor Elektrik hendaklah melantik KICT yang baru untuk meneruskan kerja TANPA TAMBAHAN KOS. Kelulusan pelantikan KICT yang baru adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa (WPP) Elektrik berdasarkan syarat-syarat di perenggan 1.2.
- 1.6 Semua bahan dan peralatan yang digunakan untuk kerja pemasangan sistem ICT hendaklah mematuhi spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya.

#### 2.0 Perakuan Kontraktor Elektrik

2.1 Saya telah membaca dan memahami Bahagian 1.0 di atas dan bersetuju mematuhi dan dengan ini melantik KICT tersebut di bawah untuk menjalankan kerja pemasangan sistem telekomunikasi dan ICT bagi projek ini.

Saya juga memperakukan bahawa KICT yang dinamakan di bawah telah dimaklumkan mengenai projek ini serta syarat-syarat kontrak, penentuan, lukisan-lukisan berkenaan dan beliau telah bersetuju untuk menjalankan kerja ini sekiranya tender saya diterima kelak.

a) Maklumat Rasmi KICT:

Tandatangan KICT : .....

Nama Penuh  
(Penama dalam Sijil CIDB) : .....

Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....  
.....

Cop Rasmi Syarikat : .....

b) Salinan Sijil Pendaftaran CIDB untuk Kontraktor Pakar Sistem ICT.

**KEGAGALAN SAYA MENYERTAKAN SALINAN SIJIL-SIJIL TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN TENDER DITOLAK.**

Tandatangan Kontraktor Elektrik : .....

Nama Penuh  
(Penama dalam Sijil CIDB) : .....

Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....  
.....

Cop Rasmi Syarikat : .....

Tarikh : .....